

**PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN
UNDANGAN UNTUK MEMBERI ULASAN**

No. Rujukan : EP04320001
Kepada : Semua Pihak yang Berkepentingan
Tarikh : 19 September 2024
Tajuk : **Undangan Untuk Memberi Ulasan Berkenaan Audit Pemantauan Terhadap Unit
Pengurusan Hutan (FMU) Mengiong-Gaat Untuk Pensijilan Pengurusan Hutan PEFC
MTCS**

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (SIRIM QAS International) akan menjalankan audit pemantauan untuk pensijilan pengurusan hutan di FMU Mengiong-Gaat yang diuruskan oleh Piramid Intan Sdn. Bhd.

SIRIM QAS International adalah badan pensijilan yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia. Penilaian pensijilan akan menilai amalan pengurusan hutan yang dilakukan oleh FMU Mengiong-Gaat menurut standard *Kriteria dan Petunjuk Malaysia untuk Pengurusan Hutan Lestari (MC&I SFM)*, berkaitan dengan aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. Sesalinan standard ini boleh didapati di laman sesawang Malaysian Timber Certification Council (MTCC) www.mtcc.com.my. Audit pemantauan ini akan dijalankan pada 21 – 24 Oktober 2024.

Maklumat FMU Mengiong-Gaat adalah seperti berikut:

Lokasi	Kapit, Sarawak
Saiz FMU	36,091 ha
Jenis Hutan	<i>Dry Inland Forest</i>
Spesies Utama	<i>Mixed Dipterocarp Forest</i>
Sistem Pengurusan Hutan Semasa	<i>Sustainable Forest Management</i>

Kumpulan penilai yang ditugaskan untuk menjalankan penilaian terhadap FMU tersebut adalah;

- 1) Mohd Razman Salim – *Lead Auditor*
- 2) Khairul Najwan Ahmad Jahari – *Auditor*
- 3) Mohd Fekri Zulkafli – *Auditor*

Berikut adalah penerangan ringkas proses dan jadual penilaian:

1. Jemputan kepada umum untuk meminta memberikan komen terhadap FMU;
2. Perancangan penilaian dan semakan dokumen;
3. Penilaian lapangan ke atas beberapa sampel kawasan hutan dan operasi di dalam FMU;
4. Perundingan pemegang berkepentingan melibatkan temubual tertutup, perbincangan atau mesyuarat kumpulan kecil bersama penduduk tempatan di sekitar FMU;
5. Mesyuarat penutup dengan wakil FMU untuk membentangkan penemuan awal penilaian;
6. Penyediaan draf laporan penilaian yang menerangkan proses penilaian, penemuan dan cadangan ke atas pensijilan;
7. *Peer review* ke atas draf laporan penilaian oleh dua *peer reviewers* bebas;



ACB ABMS 01
ACB EnMS 01
ACB FMC 02
ACB GMP 04
ACB HACCP 03
ACB MSPO 05
ACB PS 03
MIBAS 003



ACB EMS 02
ACB FSMS 01
ACB ISMS 01
ACB MDQMS 04
ACB OSHMS 01
ACB PC 01
ACB QMS 01



SAMM 085
SAMM 086
SAMM 087
SAMM 240
SAMM 377
SAMM 734
SAMM 735



0074



8. Penyerahan laporan akhir penilaian kepada Ketua Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan SIRIM QAS International; dan
9. Pendedahan ringkasan kepada umum, sekiranya pensijilan diberikan kepada FMU tersebut.

Sebagai salah satu daripada bahagian terpenting dalam proses pemantauan pengurusan hutan, SIRIM QAS International mengundang semua pemegang berkepentingan untuk memberi pendapat dan maklumbalas ke atas amalan pengurusan hutan dari FMU Mengiong-Gaat berpandukan *MC&I SFM*. Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu seperti di bawah:

1. Perlindungan alam sekitar;
2. Pemuliharaan kepelbagaian biologi;
3. Peluang pekerjaan;
4. Hubungan komuniti dan hak pekerja;
5. Manfaat dari hutan;
6. Hubungan anda dengan FMU;
7. Cadangan penambahbaikan.

Semua pihak berkepentingan yang ingin memberikan input dan komen boleh juga melayari laman sesawang SIRIM QAS International di www.sirim-qas.com.my atau menghubungi pegawai yang menandatangani surat ini untuk memberi komen atau input secara rahsia. SIRIM QAS International mengalu-alukan maklumbalas, baik positif mahupun negatif melalui surat, faks atau emel. Walau bagaimanapun, SIRIM QAS International berharap untuk menerima ulasan atau maklumbalas sebelum atau semasa pemantauan dijalankan dengan menggunakan slip jawapan yang dilampirkan bersama surat ini. Maklumbalas daripada anda amat berharga buat SIRIM QAS International dalam mana-mana tahap proses penilaian.

Segala komen dan maklumbalas anda akan disimpan sebagai sulit oleh SIRIM QAS International dan kumpulan penilai. SIRIM QAS International amat berbesar hati untuk menerima maklumbalas daripada anda.

Kami menghargai usaha dan pandangan anda.

Yang benar,



KAMINI A/P M. SOORIAMOORTHY

Ketua

Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan

Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan

SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

No. Tel : 03-5544 6448

No. Faks : 03-5544 6763

Email: kamini@sirim.my

SLIP JAWAPAN

Tarikh :

Ketua
Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan
Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan
SIRIM QAS International Sdn Bhd
Bangunan 4, Tingkat 1, Kompleks SIRIM
No.1, Persiaran Dato' Menteri
40700 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

(u/p : **KAMINI A/P M. SOORIAMOORTHY**)

No. Faks: 03-5544 6763

Undangan Untuk Memberi Ulasan Berkenaan Audit Pemantauan Untuk Unit Pengurusan Hutan (FMU) Mengiong-Gaat

Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami mempunyai komen/tidak mempunyai sebarang komen terhadap Unit Pengurusan Hutan (FMU) Mengiong-Gaat untuk ditentukan oleh kumpulan juruaudit yang ditugaskan semasa audit pemantauan kelak.

Komen adalah seperti berikut : (sila sertakan lampiran jika ruangan di bawah tidak mencukupi)

Pihak kami juga memberi kebenaran/tidak memberi kebenaran kepada SIRIM QAS International untuk mendedahkan identiti organisasi di dalam laporan audit dan rumusan umum (*public summary*) ke atas FMU Mengiong-Gaat.

Nama : _____

Jawatan : _____

Organisasi : _____

Tandatangan : _____

Tarikh : _____